

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

**Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 2000/2001**

FEBRUARI/MAC 2001

RMT 556 – PENGURUSAN PROJEK V

Masa: 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **DUA** muka surat yang tercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **EMPAT** soalan sahaja.

1. a) "Perbezaan di antara pengurusan projek dan pengurusan am sebenarnya adalah tipis. Perbezaan ini diperbesarkan oleh mereka yang mempunyai kepentingan peribadi dalam mempromosikan disiplin pengurusan projek." Bincangkan.

b) "Intrinsik dalam berbagai garispanduan pengurusan projek yang dihujahkan oleh penulis-penulis ialah elemen pengurusan kualiti menyeluruh." Bincangkan

(25 MARKAH)

2. a) Berdasarkan kajian sahih, nyatakan ciri-ciri utama yang patut ada pada seorang pengurus projek yang efektif.

b) "Faktor kejayaan kritikal untuk projek berubah bergantung kepada fasa sesebuah projek itu sedang berada." Bincangkan. Berikan komen tentang model yang memaparkan faktor kejayaan kritikal sebagai statik sepanjang kitar-hayat projek.

(25 MARKAH)

3. a) Thamhain dan Gemill (1974), dan Dunne, Stahl dan Melhart (1978) telah membuat beberapa penumuan menarik tentang dasar kuasa yang ada pada pengurus projek untuk mengatasi lompang autoriti. Huraikannya.

b) Sebutkan lima perkara penting untuk mengekalkan pengaruh sebagaimana yang disebutkan oleh Pinto (2000). Berikan pandangan peribadi anda tentang keberkesanan setiap satu perkara berdasarkan pengalaman kerja anda.

(25 MARKAH)

4. a) Jelaskan kategori klien yang ada. Siapakah pemegang kepentingan yang berpotensi wujud dalam sebuah projek? Bincangkan dilema yang mungkin timbul apabila eksekutif pembinaan mengambilkira keperluan berbagai jenis klien dan pemegang kepentingan dalam proses membuat keputusan.
- b) Bincangkan tiga jenis konflik utama yang mungkin timbul dalam keempat fasa yang berlainan dalam sebuah projek. Berdasarkan apa yang diketahui, jelaskan tindakan yang patut diambil oleh seorang pengurus projek untuk mempertingkatkan pengurusan konflik didalam sebuah pasukan projek.

(25 MARKAH)

5. a) Bincangkan elemen utama yang perlu diambilkira dalam menyusun satu cadangan penswastaan.
- b) Apakah komen am yang dapat anda berikan mengenai infrastruktur yang telah diswastakan di Malaysia?

(25 MARKAH)

6. a) Jelaskan tiga variasi utama dalam sistem pemerolehan reka dan bina. Apakah masalah dengan pendekatan reka dan bina yang seorang pengurus projek patut bawa kepada perhatian klien di Malaysia.
- b) Struktur pasukan projek dikatakan mempunyai pengaruh di atas kejayaan projek. Bincangkan faktor-faktor yang perlu diambilkira apabila memilih struktur berlainan yang ada untuk sebuah projek.

(25 MARKAH)